

18 MAR 1999

Chua-Babi

TENTERA DAN POLIS AKAN BANTU TANGANI WABAK JE

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Polis dan tentera telah diminta membantu menangani wabak penyakit Japanese Encephalitis (JE) dan mereka akan memusnahkan kira-kira 64,000 ekor babi di tiga kawasan di Negeri Sembilan selewat-lewatnya Ahad ini, pasukan petugas kebangsaan bagi membanteras JE mengumumkan hari ini.

Ketua pasukan petugas itu yang juga Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata 1,400 anggota pasukan keselamatan dijangka memulakan kerja esok menggunakan senjata ringan dan mereka akan dibantu oleh doktor veterinar.

Tiga kawasan terbabit ialah Bukit Pelandok, Kampung Sawah dan Sungai Nipah, katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat pertama pasukan petugas itu di sini.

Pasukan itu yang dibentuk oleh Kabinet semalam turut dianggotai Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh dan wakil daripada Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Penerangan.

Chua berkata pemilik 64,000 ekor babi itu secara sukarela memilih untuk memusnahkan ternakan terbabit. Ketiga-tiga kawasan yang terjejas itu mempunyai kira-kira 300,000 ekor babi.

Beliau berkata anggota polis dan Rela juga akan mengadakan sekatan jalan raya di dalam dan kawasan berhampiran bagi menghalang pergerakan babi keluar daripada kawasan berkenaan.

"Perkara utama sekarang ialah untuk menurunkan bilangan kejadian JE," katanya.

Tiga puluh satu orang mati dalam kejadian wabak terbaru setakat ini sementara 47 yang lain masih dirawat di beberapa buah hospital.

Chua berkata kerja-kerja pengasapan akan juga dipertingkatkan di ketiga-tiga kawasan terbabit dengan menggunakan helikopter Jabatan Bomba dan Penyelamat selain pasukan bergerak untuk membasmi nyamuk Culex yang menyebarkan virus JE ke tubuh manusia.

Beliau berkata bangkai babi itu akan ditanam di kawasan itu dan satu operasi pembersihan akan dijalankan untuk memastikan kawasan itu selamat dan bebas daripada ancaman sebelum penternak dan penduduk dibenarkan kembali menetap di situ.

Beliau juga berkata bahawa 30,000 dos vaksin untuk babi telah sampai dan bekalan 300,000 dos lagi dijangka tiba esok.

Minggu lepas Kabinet memperuntukkan RM35.5 juta untuk menjalankan suntikan vaksin ke atas 500,000 ekor babi dan 292,000 orang penduduk di Ipoh, Bukit Pelandok dan Seremban-Sikamat.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah-langkah untuk menangani masalah JE itu akan membabitkan kos RM49 juta.

Beliau berkata sebuah pusat yang beroperasi 24 jam akan dibuka di Jabatan Kesihatan di Bukit Damansara dan dikendalikan oleh para pegawai daripada keenam-enam kementerian itu.

Sekretariat pasukan petugas itu akan bermesyuarat setiap pagi manakala Pasukan Petugas itu mengadakan mesyuarat esok dan sekali lagi pada Isnin depan.

Chua berkata pihak berkuasa kesihatan di sini juga sentiasa berhubung dengan pakar-pakar dari Amerika dan Australia.

-- BERNAMA

MAM AR AHH AKD